



Pemimpin Pelajar UPM-ASEAN Jalin Hubungan



Antara pemimpin pelajar Malaysia dan negara ASEAN yang hadir pada Majlis Konvensyen ASLI 2010.

SERDANG, 16 Februari – Pemimpin pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalinkan hubungan dengan pemimpin pelajar dari 5 buah negara ASEAN melalui program First ASEAN Student Convention of Leadership and Integrity (ASLI) di sini.

Konvensyen selama empat hari itu yang menghimpunkan seramai 50 pemimpin pelajar dari Malaysia, Indonesia, Singapura, Kemboja dan Vietnam bertujuan untuk menggalakkan kemahiran insaniah dalam perkongsian pendapat dan pandangan untuk membentuk pemimpin generasi muda menghadapi cabaran dunia yang kritikal dan inovatif.

Pengetua Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) UPM, Dr. Saidon Amri dalam ucapan perasmiannya berkata program tersebut merupakan asas kepada pembentukan kepimpinan dan kemahiran insaniah pada generasi akan datang terutamanya kepada pemimpin pelajar dari negara ASEAN.



Pengetua KOSASS UPM, Dr. Saidon Amri (kiri) bermalu-malu dengan pemimpin-pemimpin pelajar dari Indonesia, Singapura dan Vietnam.

“ASLI adalah medium yang baik untuk menjadikan matlamat tersebut menjadi kenyataan selain dapat membentuk pelajar berfikiran inovatif dan kreatif hingga menjangkau sempadan globalisasi,” katanya.

Pengarah program ASLI, A. Sujithra Devi berkata program itu adalah yang kali pertama pernah dianjurkan oleh pelajar UPM.

“Sebenarnya, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr. Azali mencabar pelajar UPM supaya membuat program bertaraf antarabangsa, bukan setakat

dalam UPM sahaja. Justeru, Majlis Tertinggi Mahasiswa KOSASS menyahut cabaran tersebut dengan menganjurkan konvensyen ini," katanya.

Sementara itu pelajar dari Nanyang Technological University di Singapura, Sufiyan Sulaiman, 23 berkata dia menyertai ASLI untuk berbincang tentang isu berkaitan pelajar dan pemimpin pelajar," katanya.

Pelajar dari Cambodian Mekong University, Ros Marie, 21 pula menyifatkan konvensyen tersebut memberinya peluang untuk mendengar pelbagai pendapat daripada pemimpin pelajar ASEAN yang lain mengenai isu-isu kepimpinan dan pelbagai isu lain.

Pelajar dari Indonesia, Adipta Wisnu Wardhani, 19 berharap perhubungan baik antara pemimpin pelajar dari ASEAN akan sentiasa kekal.

"Walaupun baru beberapa hari di sini, namun kami semua sudah dapat menjalinkan hubungan yang baik. Jadi, saya mengharapkan agar program ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang," katanya.



Pemimpin pelajar Malaysia (kiri) mengambil kesempatan beramah mesra dengan pemimpin pelajar dari Indonesia (kanan).

Berita asal oleh Hazwan Faisal Mohamad dan disunting oleh Seksyen Media Bahagian Komunikasi Korporat.